

19/09/1998

Rakyat diajak bersatu pertahan maruah negara

Mohd Razi Abdullah

`NEGARA Kita Tanggungjawab Kita', demikian tema Hari Kebangsaan yang baru kita sambut ketika negara dilanda pelbagai masalah terutamanya kegawatan ekonomi. Jika dilihat dari sudut patriotisme, jelas maksud atau mesej tema itu satu ujian terhadap semangat kenegaraan setiap individu yang mengaku warga negara Malaysia.

Sejauhmana tanggungjawab kita untuk mempertahankan negara daripada ancaman dan niat jahat kuasa asing yang cuba meruntuhkan negara yang kita bangun ini? Inilah persoalan yang perlu difikir dan dinilai kembali semua pihak, lebih-lebih lagi apabila melihat perkembangan kebelakangan ini.

Kesedaran rakyat dalam mempertahankan hak negara menjadi penentu kepada hala tuju negara pada masa akan datang. Perkembangan terbaru menunjukkan terdapatnya usaha kuasa asing untuk menguasai negara kita dengan apa cara sekalipun termasuklah meracuni fikiran rakyat, menjatuhkan ekonomi, mencemarkan imej, menjatuhkan kerajaan dan sebagainya.

Kestabilan ekonomi, politik dan sosial yang dikecapi selama ini ruparupanya menanamkan rasa dengki di kalangan kuasa yang mendakwa dasar negara mereka yang terbaik. Malangnya mereka sendiri tidak pernah berasa nikmat daripada dasar itu. Malah mereka menghadapi masalah sosial, rusuhan pekerja, penipuan dan pemerasan menakutkan.

Sebaliknya Malaysia yang mengamalkan dasar yang mereka anggap tidak cekap, mampu menikmati kemajuan ekonomi, politik dan sosial yang menakjubkan sekalipun negara kita terbentuk daripada masyarakat berbilang kaum dan agama.

Hasil kerjasama erat kerajaan di bawah kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, rakyat jelata, pekerja dan majikan berjaya memaju dan memakmurkan negara ini sehingga tidak berlaku rusuhan, kebuluran, gejala sosial yang serius seperti di negara asing.

Kita memajukan negara untuk kesejahteraan bukan untuk merampas hak rakyat atau mengancam negara lain. Oleh itu, tidak ada sebabnya negara yang sedang menuju ke arah menjadi negara maju diruntuhkan mana-mana pihak. Apakah kita sanggup pasrah dengan telunjuk kuasa asing yang terang-terang berniat jahat terhadap negara kita sedangkan kita berniat baik untuk keadilan rakyat khususnya dan global amnya?

Tindakan Dr Mahathir untuk menegur dan mengeluarkan buah fikiran bagi pihak negara membangun sepatutnya dipandang positif dan dihormati kerana ia untuk kebaikan semua pihak.

Mujurlah terdapat pemimpin berkaliiber seperti beliau yang mampu menyuarakan pendapat bagi membela negara membangun yang selama ini teraniaya. Kalau tidak, sampai bilapun orde dunia yang penuh dengan komplot jahat ini tidak akan berakhir.

Sebagai individu yang mempunyai semangat kenegaraan tinggi, semua lapisan masyarakat haruslah bersatu padu menentang apa juga niat jahat dan ancaman kuasa yang angkuh dan tamak haloba.

Kita harus berdiri teguh di belakang pemimpin dalam memperjuangkan keadilan. Apakah kita sanggup membenarkan kebatilan bermaharajalela?

Kita sebagai rakyat Malaysia, masing-masing mempunyai pegangan agama dan nilai kemanusiaan tinggi, tentunya tidak rela membiarkan diri diperlakukan kuasa asing atas landasan kekejian.

Di manakah maruah kita? Kita harus berpegang teguh kepada ajaran agama kita. Allah menurunkan agama untuk menghapuskan segala kebatilan dan

memperjuangkan yang hak. Andainya kita sanggup mengikuti telunjuk kuasa asing yang terang-terangan ingin menjatuhkan negara, bererti kita bersubahat dalam perkara kebatilan.

Kita tidak harus bersikap pesimis dan rendah diri, kalau tidak kita akan kalah selama-lamanya. Kita tidak mempunyai senjata yang canggih untuk melawan mereka tetapi kita mesti ingat kita berjuang atas landasan kebenaran dan ini lebih bermakna berbanding mereka yang menggunakan kekuatan untuk membenarkan kejahatan. Insya-Allah, Allah tidak akan menganiaya orang-orang berjalan di atas landasan kebenaran sebaliknya sentiasa bersama mereka.

Janganlah pula kita tergolong di kalangan orang yang menjual maruah negara pada harga murah iaitu golongan yang sanggup mengkhianati negara dengan cuba memprovokasikan rakyat supaya bertelagah. Inilah nilai yang mengukur dan membezakan yang mana kaca dan intan. Apakah kita sudah bersedia menjadi warga negara yang sanggup mengorbankan jiwa dan raga demi agama, bangsa dan negara?

Lantaran, sempena menyambut Hari Kebangsaan, marilah kita bersama menghayati dan menterjemah mesej tema hari kebangsaan ini dalam perjuangan kita sebagai warga negara negara yang diberkati Allah. Ingatlah pepatah Melayu yang berbunyi "biar putih tulang jangan putih mata ". Semoga kita semua menjadi warga negara yang tulen.